



SIARAN MEDIA

PENJENAMAAN SEMULA KPWKM

PUTRAJAYA, 9 JUN 2015 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang melaksanakan penjenamaan semula Kementerian supaya *core business* Kementerian masih lagi relevan untuk membekalkan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasar.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, penjenamaan semula Kementerian ini dilaksanakan secara menyeluruh seiring dengan Pelan Transformasi 2015-2020 yang mana salah satu inisiatif penjenamaan tersebut adalah melalui rekaan baharu logo Kementerian.

"Sukacita ingin saya maklumkan bahawa hari ini merupakan hari yang bersejarah buat kita semua warga KPWKM kerana Kementerian akan melancarkan logo baharu KPWKM yang bermotifkan bunga *Bird of Paradise Strelitzia Sp.*," kata beliau ketika merasmikan Perhimpunan KPWKM Bilangan 3 Tahun 2015.

Motif bunga *Bird of Paradise* ini dipilih bagi mencerminkan sifat komponen dalam Kementerian yang penuh karisma, harmoni dan dinamik dalam setiap gerak kerja yang dipertanggungjawabkan. Logo yang membawa tema 'Keluarga Bahagia Negara Sejahtera' ini akan digunakan secara rasmi bermula pada hari ini juga.

"Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pereka yang berjaya memenangi pertandingan tersebut yang secara kebetulan saya dimaklumkan pemenang merupakan warga KPWKM sendiri setelah memenangi Pertandingan Merekacipta Logo dan Slogan KPWKM," kata Rohani lagi.

"Saya berharap agar kemunculan logo baharu ini dapat menyuntik semangat yang baharu di kalangan warga kerja dalam menjaga nama baik Kementerian dan dalam kita melaksanakan *rebranding exercise* ini, warga KPWKM dan agensi harus mengenalpasti idea baharu juga serta berfikiran inovatif bagi memastikan organisasi ini terus relevan dan berkembang," tambah beliau.

Dalam majlis yang sama juga turut dilancarkan Buletin KPWKM yang telah diberi nafas baharu juga dengan nama Buletin KASIH KPWKM dicetak untuk edaran seluruh warga Kementerian dan Agensi.

“Terima kasih diucapkan kepada semua yang telah berganding bahu dalam penerbitan Buletin KASIH KPWKM. Semoga dengan adanya buletin ini semua program yang telah kita laksanakan dapat didokumentasikan untuk tatapan semua terutamanya *stakeholders* dan kumpulan sasar Kementerian,” katanya.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun dan YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg Datuk Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian, Pegawai Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Jabatan serta pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi.

###

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4,
Putrajaya.
Telefon : 03-8323 1000
Tarikh : 9 Jun 2015